



**TEKUN NASIONAL**  
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**ISU-ISU BERKAITAN PEMBIAYAAN TEKUN BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN**  
**PERGERAKAN MULAI 18 HINGGA 31 MAC 2020**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh TEKUN untuk membantu usahawan TEKUN yang menghadapi masalah perniagaan terjejas susulan wabak Virus Covid-19 ?	TEKUN boleh mempertimbangkan pelaksanaan berikut kepada usahawan TEKUN yang terjejas:  <ol style="list-style-type: none"><li>1. Penangguhan bayaran balik</li><li>2. Penjadualan semula</li><li>3. Pengeluaran simpanan oleh usahawan TEKUN</li><li>4. Pembiayaan bertindih – suntikan modal</li></ol> <i>Tertakluk kepada terma dan syarat</i>
2.	Bagaimana saya boleh membuat bayaran balik pembiayaan TEKUN ?	Bayaran balik pembiayaan boleh dibuat melalui TEKUNPay, Maybank Online, RHB Now, MYBSN dan CDM Maybank, Bank Simpanan Nasional dan RHB.
3.	Adakah usahawan boleh membuat permohonan menangguhkan bayaran balik pembiayaan ?	Usahawan boleh memohon penangguhan bayaran balik dengan mengisi permohonan secara online di <a href="https://tinyurl.com/PenangguhanTEKUN">https://tinyurl.com/PenangguhanTEKUN</a>

4.	Adakah Pejabat TEKUN dibuka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ?	Semua Pejabat TEKUN di seluruh negara ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 hingga 31 Mac 2020.
5.	Sekiranya usahawan ingin bertanya mengenai perkhidmatan atau produk pembiayaan TEKUN, adakah sebarang saluran yang disediakan?	Sebarang pertanyaan atau aduan boleh dibuat melalui media sosial rasmi atau Sistem Maklum Balas TEKUN Nasional di <a href="http://fems.tekun.gov.my/">http://fems.tekun.gov.my/</a>
6.	Bilakah permohonan pembiayaan TEKUN sedia ada akan diproses?	Bagi permohonan pembiayaan TEKUN sedia ada akan diproses selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
7.	Bagaimanakah cara mendapatkan pembiayaan TEKUN semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?	Usahawan boleh mendapatkan Senarai Semak, Borang Permohonan Pembiayaan TEKUN, Kertas Rancangan Pembiayaan dan Borang Kebenaran Penzahiran Maklumat Kredit Individu melalui Portal TEKUN Nasional <a href="http://www.tekun.gov.my">www.tekun.gov.my</a> .
8.	Bilakah usahawan boleh menghantar permohonan pembiayaan TEKUN?	Usahawan boleh menghantar Borang Permohonan Pembiayaan TEKUN yang lengkap diisi selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Pejabat TEKUN Cawangan yang berhampiran dengan premis usahawan.
9.	Berapa lamakah proses pembiayaan TEKUN semasa Tempoh Kawalan Pergerakan?	Semua permohonan pembiayaan TEKUN akan diproses segera selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.